

31

LIPUTAN AKHBAR DAN PENDAPAT UMUM MENGENAI  
PENAHANAN ISA: SATU ANALISIS KANDUNGAN  
PERBANDINGAN ANTARA AKHBAR NEW STRAITS TIMES,  
UTUSAN MALAYSIA DAN NANYANG SIANG PAU SERTA  
SATU TINJAUAN DI KALANGANG PELAJAR LUAR KAMPUS


HO SIEW CHING

RANCANGAN KOMUNIKASI  
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA  
1987 / 1988

LIPUTAN AKHBAR DAN PENDAPAT UMUM MENGENAI PENAHANAN ISA :  
SATU ANALISIS KANDUNGAN PERBANDINGAN ANTARA AKHBAR NEW  
STRAITS TIMES, UTUSAN MALAYSIA DAN NANYANG SIANG PAU  
SERTA SATU TINJAUAN DI KALANGAN PELAJAR LUAR KAMPUS.

oleh HO SIEW CHING

RANCANGAN KOMUNIKASI  
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA  
1987/88



To GOD, The Almighty

For Thine is the greatness and the power  
and the glory and the victory forever.

ISI KANDUNGAN

Penghargaan	i
Ringkasan	ii

BAB 1 : PENGENALAN

Pengenalan	1
Objektif Kajian	5
Rasional Kajian	7
Masalah-Masalah dan Had-Had Kajian	11

BAB 2 : ISU PENAHANAN ISA

Makna ISA	22
Perkembangan Pemerintahan Dr. Mahathir	24
Ringkasan Isu Penahanan ISA	30

BAB 3 : KEADAAN PERSURATKHABARAN DI MALAYSIA

Keadaan Semasa Akhbar Nasional Malaysia	38
Model-Model Akhbar	46
Tanggungjawab Akhbar	56
Pandangan Kerajaan	63
Pandangan Orang Ramai	64
Kawalan-Kawalan Atas Akhbar	66
Undang-Undang Media Massa	69

BAB 4 : PENDAPAT UMUM

Makna Pendapat Umum	75
Pembentukan Pendapat Umum	80
Pengaruh Media Massa Terhadap Pendapat Umum	84

BAB 5 : METHODOLOGI KAJIAN

Rekabentuk Kajian	86
Kaedah Tinjauan	86
Pilihan Responden	94
Kaedah Analisis Kandungan	95
Pilihan Akhbar Kajian	99
Konseptualisasi Angkubah dan Konsep Utama	103
Operasionalisasi Angkubah	104
Corak Kertas Koding Dan Kategori Angkubah	108

BAB 6 : ANALISIS DATA

Artikel-Artikel Terbitan NST, UM Dan Nanyang	123
Analisis Ruangan Berita	127
Analisis Sumber Berita	130
Analisis Subjek	138
Analisis Arah Artikel	149
Analisis Corak Pemberitaan	156
Analisis Kesedaran ISA	159
Analisis Sumber Maklumat	160
Analisis Pendapat Umum Tentang Sebab Penahanan	162
Analisis Pendapat Umum Tentang ISA	168
Analisis Pendapat Umum Tentang Penahanan ISA	171
Analisis Pendapat Umum Tentang Laporan Akhbar	179
Analisis Pendapat Umum Tentang Kesan Penahanan	180

BAB 7 : KESIMPULAN

✓ Rumusan Hasil Kajian	183
✓ Implikasi Rumusan Kajian	188

Bibliografi

APPENDIX

Contoh Soalselidik	1
Contoh Kertas Koding	6

## PENGHARGAAN

Terlebih dahulu ingin saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada En. Zaharom Main, penyelia Latihan Ilmiah, kerana sudi meluangkan masa dan tenaga yang banyak dalam memberi bimbingan, tunjuk ajar, nasihat dan cadangan serta sokongan yang tidak ternilai.

Ribuan terima kasih saya ucapkan kepada En. Teoh Bak Ghim, Ketua Pengarang Nanyang Siang Pau, En. P. Shivadas, Penolong Pengarang Kumpulan New Straits Times dan En. Samad Mahadi, Ketua Pengarang Utusan Malaysia, yang sudi memberi pandangan mereka mengenai peranan akhbar-akhbar masing-masing dalam meliputi isu penahanan ISA.

Akhir sekali, ingin juga saya merakamkan penghargaan yang setinggi-tingginya kepada Wong Kok Kin, Foo Siang Meng dan Chan Seng Tuck atas bantuan dan sumbangan mereka yang akan saya hargai selalu.

Ho Siew Ching

12 Mac 1988

## Ringkasan

1. ISA - Internal Security Acts
2. NST - New Straits Times
3. Star - The Star
4. BH - Berita Harian
5. UM - Utusan Malaysia
6. Nanyang - Nanyang Siang Pau
7. Sin Chew - Sin Chew Jit Poh
8. Sin Min - Sin Min Daily
9. DAP - Democratic Action Party
10. UMNO - United Malays National Organisation
11. MCA - Malaysian Chinese Association
12. EPSM - Environment Protection Society of Malaysia
13. PSRM - Parti Sosialis Rakyat Malaysia
14. Aliran - Aliran Kesedaran Negara
15. PAS - Pertubuhan Angkatan Subillullah
16. FEER - Far Eastern Economic Review
17. Bernama - Berita Nasional Malaysia
18. ADUN - Ahli Dewan Undangan Negeri
19. SAM - Sahabat Alam Malaysia
20. MND - Menteri Dalam Negeri
21. KDN - Kementerian Dalam Negeri
22. KPN - Ketua Polis Negara
23. USM - Universiti Sains Malaysia



## BAB 1 : PENGENALAN

Bila kita membincang pembangunan, pada pendapat pengkaji, kita harus melihat pembangunan dalam ertikata sebenar dan bukan semata-mata menumpu kepada bidang ekonomi atau angka-angka pendapatan negara kasar (GNP), pendapatan per kapita atau kekayaan materialisme sahaja. Kita harus meneliti juga aspek-aspek lain iaitu pembangunan psikologikal dan politikal yang mencakupi sebahagian besar kehidupan manusia.

Ketiga-tiga aspek pembangunan ini memainkan peranan yang amat penting dalam memberi kesejahteraan hidup kepada manusia baik dari segi kebendaan mahupun bukan kebendaan.

Menurut Agarwal dalam perbincangannya mengenai pembangunan alternatif, untuk memperolehi satu kemakbulan pembangunan yang paling unggul, kita harus mencapai satu kesamaan di antara kesejahteraan material dan kesejahteraan bukan material. (Agarwal, 1984:13)

Dalam hal ini, pembangunan melibatkan satu proses yang membolehkan manusia -- individu, kelompok dan bangsa serta seluruh peringkat manusia -- menjadi lebih berdikari dan dapat mengawal nasib mereka sendiri dengan lebih berkesan lagi. (Agarwal, 1984:13)

Dari segi ekonomi, pembuat keputusan ekonomi memerlukan maklumat yang tepat untuk membolehkan mereka membuat perancangan dan pertimbangan yang rasional. (Pool dan Schramm, 1973:369).

Di sini, pendapat umum memainkan peranan penting kerana dalam pembangunan ekonomi, kuasa yang menyatukan masyarakat berpindah dari satu tradisi yang dibentuk oleh institusi kepada satu pendapat umum yang boleh menyediakan kemudahan perubahan dan menggerakkan perhubungan interpersonal tertentu. (Pool dan Schramm, 1973:376)

Pembangunan dari segi politik melibatkan pencapaian objektif seperti demokrasi, kestabilan, mobilisasi kuasa dan lain-lain. Untuk mencapai matlamat-matlamat ini, satu bekalan maklumat sebagai alat pembikin-keputusan yang efektif, diperlukan kerana fikiran yang rasional adalah asas bagi pembangunan politikal. (Pool dan Schramm, 1973: 377)

Ini melibatkan partisipasi golongan bukan-elit dalam aspirasi pemerintah dan tindakbalas pihak berkuasa. Ketiga-tiga pembangunan ekonomi, psikologikal dan politikal melibatkan partisipasi manusia yang cergas, aktif dan analitikal dalam mempertimbangkan perubahan yang perlu diambil. Maka, komunikasi merupakan elemen yang amat penting dalam membantu pencapaian pembangunan ini.

Media massa khususnya akhbar mempunyai peranan yang penting dan tanggungjawab yang berat dalam menyalurkan maklumat, pendapat dan ide-ide untuk kegunaan masyarakat yang sedang membangun untuk tujuan di atas.

Di sini timbul masalah yang mempertikaikan erti pembangunan dan cara penyebaran maklumat oleh akhbar. Terdapat dua fahaman yang diutarakan oleh Sussman.

Fahaman yang pertama mementingkan aliran maklumat yang bebas. Pandangan-pandangan yang berbeza dan meluas dapat memastikan saluran-saluran maklumat tidak dimonopolikan oleh satu sumber, pendapat atau pihak. Yakni, kesilapan dan ketidaksamaan yang dibuat oleh satu pihak boleh disemak, dicabar dan diimbangi oleh pihak yang lain. Pandangan yang lain menegaskan kepentingan ekonomi bagi memastikan pencapaian kebajikan masyarakat dan kedaulatan negara. Yakni, komunikasi yang berkesan menjadi alat utama bagi membawakan pembangunan ekonomi. Namun, kerajaan yang bertanggungjawab adalah diperlukan untuk mengawal media massa atas nama pembangunan ekonomi bagi tujuan di atas. (Sussman, 1978:75-77)

Perbezaan yang wujud di antara kefahaman ini telah membawa kepada penyekatan kebebasan akhbar. Ini juga menandakan tamatnya demokrasi.